

Penekanan pentingnya fahami subjek kurang menarik kalangan pelajar harus dipergiatkan

KOTA KINABALU: Penekanan mengenai betapa kritis kepentingan untuk mempelajari dan mendalami sesuatu subjek atau bidang yang dianggap kurang menarik di kalangan pelajar-pelajar serta mereka yang menuntut ilmu harus dipergiatkan.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Datuk Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah (gambar) ketika dihubungi kelmarin menegaskan bahawa, untuk mempergiatkan agenda itu, semua pihak dan masyarakat harus memainkan peranan masing-masing.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan, 'Penggunaan Bahasa Rojak Hakis Kekuatan Bahasa Kebangsaan' yang disiarkan pada Khamis memetik Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata mengenai betapa pentingnya memartabatkan Bahasa Kebangsaan di arena antarabangsa.

"Usaha murni Timbalan Perdana Menteri itu haruslah disahut oleh kita semua supaya bahasa Melayu akan berjaya kita martabatkan di arena yang lebih tinggi bahkan seluruh dunia."

"Kempen-kempen atau promosi seperti program atau aktiviti kesedaran yang diadakan oleh pihak berwajib dan lain-lain perlu terus digalakkan," ujar beliau.

Beliau berkata penggunaan bahasa rojak itu telah menular kerana peredaran masa dan pemodenan secara globalisasi.

"Sememangnya, seperti yang dinyatakan oleh TPM isu itu bergerak pantas berdasarkan kepesatan pembangunan pada masa kini.

"Namun, andai ia dapat dan berjaya dikawal dengan segala inisiatif yang digembleng dengan kaedah yang inovatif, sudah pasti bahasa kebangsaan, Bahasa Melayu kita



masih akan dapat dijulung ke arah yang lebih tinggi dan membanggakan.

"Semestinya, sekolah pusat ilmiah, institusi awam atau swasta merupakan lokus operandi utama dalam usaha ini dan sudah tentu media massa atau pihak berkenaan yang dapat membantu dalam usaha memartabatkan Bahasa Kebangsaan itu merupakan satu langkah 'bonus' yang amat dialu-alukan.

Menurut beliau, UMS juga memainkan peranannya dalam usaha menyahut seruan TPM itu.

"UMS mempunyai Pusat Penataran Ilmu & Bahasa sendiri di mana ia merupakan pusat yang akan mengajar pelbagai bahasa dan ilmiah.

"Pada masa sama, UMS juga mempunyai sasaran bagi setiap peringkat penerbitan buku-buku ilmiahnya yang sendiri di mana buku-buku itu merangkumi pelbagai aspek dan skop kemudian akan diedarkan di pasaran institusi, sekolah menengah dan lain-lain," kata beliau ketika diminta untuk menyatakan apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh UMS.

-OLEH OLI CHONG
(oli@newsabah-times.com.my)